

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA PENTING DEMI MENJAGA KELESTARIAN SUNGAI SEBAGAI SUMBER KHAZANAH NEGARA

Sambutan Hari Sungai Sedunia (HSS) tahun 2023 yang bertemakan “***Alur Air Dalam Komuniti***” bertujuan meningkatkan kesedaran dan rasa kebertanggungjawaban semua pihak mengenai kepentingan untuk menjaga, memelihara dan melestarikan sungai-sungai di Malaysia.

Sambutan HSS ini juga penting untuk memastikan usaha menjaga kelestarian sungai sebagai salah satu sumber khazanah negara dengan memastikan penglibatan segenap lapisan masyarakat yang akan dinikmati oleh generasi akan datang secara berterusan.

Dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) telah mengadakan HSS Peringkat Kebangsaan pada 24 September 2023 bertempat di Pasar Terapung Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Dato' Sri Huang Tiong Sii.

Sambutan HSS tahun ini dimeriahkan dengan kehadiran lebih 2,000 pengunjung yang turut serta dalam pelbagai program yang telah diatur.

Tumpuan sambutan HSS pada kali ini adalah penyampaian “Anugerah Khas Sumber Air Negara” kepada komuniti setempat bagi menghargai usaha mereka dalam menjaga dan melestarikan sungai.

Program “Ekspedisi Sumber Air Negara” yang melibatkan penyertaan seramai 150 orang terdiri daripada pengamal media, pelajar universiti, NGO dan orang awam, pelbagai aktiviti menarik turut dilaksanakan sempena sambutan HSS.

Antaranya termasuklah jualan produk tempatan di pasar terapung, pertandingan menggagau dan memancing ikan, pertandingan bot kawalan jauh, kempen derma darah dan pameran dari pelbagai jabatan dan agensi serta syarikat tempatan.

Program HSS yang dilaksanakan oleh Kementerian ini diharap dapat meningkatkan lagi kesedaran semua lapisan masyarakat mengenai kepentingan untuk menjaga, memelihara dan melestarikan sungai sebagai sumber air Negara serta sama-sama mengambil tanggungjawab dan berganding bahu untuk menguruskan sumber air Negara secara lebih strategik dan sistematik.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN
PERUBAHAN IKLIM
24 SEPTEMBER 2023**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia